

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Kes bunuh diri meningkat 81 peratus

**PDRM lapor
467 kes 6 bulan
pertama tahun ini,
data WHO 703,000
kematian setahun
seluruh dunia**

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kes bunuh diri di negara ini meningkat 81 peratus, tahun lalu dengan 1,142 kes dilaporkan berbanding 631 kes pada 2020.

Jumlah itu berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), yang turut melaporkan 467 kes bunuh diri dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus komited mendidik dan melatih masyarakat berhubung masalah kesihatan mental, pencegahan tingkah laku bunuh diri serta menghapuskan stigma terhadap tingkah laku itu.

"Dengan usaha itu, kita berharap individu yang terkesan akan mendapat bantuan dan sokongan, seterusnya dapat menurunkan kadar kematian akibat bunuh diri.



Khairy (dua dari kiri) bersama Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor (dua dari kanan) pada majlis pelancaran Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) peringkat Sabah di Kota Kinabalu, semalam. (Foto BERNAMA)

"Faktor penyumbang tingkah laku bunuh diri ini adalah pelbagai dan kompleks, seperti isu psikososial dan persekitaran, isu kewangan merangkumi kehilangan sumber pendapatan atau pekerjaan, penyakit mental seperti kemurungan, kurang sokongan sosial dan penyalahgunaan

substans," katanya dalam kenyataan sempena Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia 2022, semalam.

Beliau berkata, tema tahun ini adalah 'Let's TALK Minda Sihat: Bertindak Segera, Harapan Terbina', yang menumpukan pada peranan masyarakat untuk men-

cegah tingkah laku bunuh diri dan membantu menambak baik kualiti hidup individu yang terkesan.

BERKONGSI DATA DARI PDRM

Khairy turut berkongsi data daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), yang melaporkan lebih daripada 703,000 kematian akibat bunuh diri diatitkan setiap tahun di seluruh dunia atau purata satu kematian bagi setiap 40 saat.

"Bunuh diri adalah satu daripada 10 penyebab utama kematian di dunia dan penyebab keempat kematian bagi mereka yang berusia 15 tahun hingga 29 tahun.

"Bagi setiap nyawa yang terkorban, ditinggalkan 135 ahli keluarga atau rakan akan terkesan serta mengalami impak secara emosi, sosial dan ekonomi.

"Tindakan segera secara bersama amat penting di setiap peringkat bagi menangani tingkah laku bunuh diri, membabitkan individu, keluarga, komuniti, pihak berkepentingan seperti pembuat dasar, ahli politik, semua agensi kerajaan dan swasta serta pertubuhan: bukan kerajaan (NGO)," katanya.

Khairy berkata, KKM proaktif menangani isu tingkah laku bunuh diri melalui Pelaksanaan Usaha Dekriminalisasi Cubaan Bunuh Diri bagi menggalakkan mereka yang terkesan tampil

mendapatkan bantuan.

"KKM juga menyediakan Memorandum Moratorium dan sudah dibentangkan di peringkat Majlis Jemaah Menteri pada September 2021. Buat masa ini, memorandum terbabit di bawah tanggungjawab Jabatan Peguam Negara untuk tindakan lanjut.

"Inisiatif lain adalah Pembangunan Sistem Registri Bunuh Diri dan Kematian Fatal Kebangsaan (NSFIRM), yang dijangka akan beroperasi pada tahun depan.

"Sistem ini membolehkan statistik terperinci dan tepat berkaitan kejadian bunuh diri diperolehi yang membolehkan usaha pencegahan secara bersasar dapat dilaksanakan," katanya.

Katanya, KKM juga melaksanakan sesi libat urus dengan pihak PDRM serta Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam pelaksanaan Latihan Pencegahan Bunuh Diri kepada *first responders* (orang pertama) bagi meningkatkan kemahiran pengendalian kes tingkah laku bunuh diri.

Dalam pada itu, Khairy memaklumkan, KKM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan (KPM) bagi memperkasakan Program Minda Sihat Sekolah, yang mana antara lain merujuk pelajar yang dikenal pasti mengalami masalah kemurungan dan tingkah laku bunuh diri ke fasiliti kesihatan untuk rawatan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

KKM naik taraf Hospital Tawau, Sandakan serta 326 klinik kesihatan

KOTA KINABALU — Kementerian Kesihatan (KKM) akan menaikkan taraf perkhidmatan kepakaran Hospital Tawau serta Hospital Duchess of Kent, Sandakan dalam usaha memastikan dua pusat perubatan berkenaan setaraf Hospital Queen Elizabeth (HQE).

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, inisiatif itu adalah salah satu perancangan atau langkah-langkah yang diambil kerajaan Persekutuan dan negeri bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan RMK-13.

"Kerja naik taraf ini dijangka mengambil masa lapan sehingga 10 tahun. Hospital Queen Elizabeth II (HQEII) juga akan ditambah kepakaran agar dapat mengurangkan tekanan kepada HQE," katanya.

Terdahulu, Khairy menghadiri Majlis Pelancaran Jelajah ANMS-SMJ yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) di sini semalam.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, kementerian juga telah mengenal pasti Hospital Keningau dan Hospital Lahad Datu untuk dinaik taraf men-

jadi hospital pakar major.

Selain itu katanya, penambahbaikan juga membabitkan Hospital Kota Marudu, Hospital Tuaran serta Hospital Beaufort yang kini tidak mempunyai kepakaran untuk dinaik taraf sebagai hospital pakar minor.

"Perancangan ini dilakukan sebab kita memahami keperluan rakyat yang terpaksa ke Kota Kinabalu atau Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan pakar.

"Semua ini bukan sahaja penambahbaikan perkhidmatan kesihatan di Sabah malahan turut dilihat mampu mempromosikan langkah pencegahan dalam Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)," katanya.

Sementara itu, Khairy turut memaklumkan pihaknya sudah mengenal pasti 326 klinik di Sabah yang memerlukan pembalakan dan naik taraf.

Beliau berkata, menerusi jumlah itu, 287 adalah klinik yang dibina daripada kayu yang ketika ini didapati dalam keadaan sudah tidak selamat diduduki serta daif, manakala 39 klinik lagi memerlukan baik pulih.

AKHBAR : NEW STRAITS TIME

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION/NEWS

1,142 SUICIDE CASES LAST YEAR

TWICE AS MANY SUICIDE CASES IN 2021

Health Ministry committed to educating, training public on mental health issues

MAHANI ISHAK
KOTA KINABALU
news@nst.com.my

MALAYSIA recorded an increase of 81 per cent or 1,142 suicide cases last year, compared with 631 in 2020.

Health Ministry Khairy Jamaluddin said 467 cases were reported in the first six months of this year, based on the police database.

He said the ministry was committed to educating and training the public on mental health issues, suicide prevention and eliminating the stigma surrounding the matter.

"Hopefully, these efforts will bring hope to the affected individuals and persuade them to seek help and support; further reducing the suicide rate.

"The contributing factors of suicidal behaviour are diverse and complex, such as psychosocial and environmental issues; financial issues like loss of income or employment; mental illness such as depression; lack of social support and substance abuse," he said.

Khairy this at the state-level Agenda Nasional Malaysia Sihat-Sabah Maju Jaya programme here, which was held in conjunction with World Suicide Preven-

tion Day 2022, yesterday.

This year's theme is "Let's TALK: Healthy Mind: Creating Hope Through Action", focusing on the role of society in preventing suicidal behaviour and improving the quality of life of the affected individuals.

Khairy shared data from the World Health Organisation, which reported that are over 703,000 suicides, with an average of one death every 40 seconds.

"This means that for every life that is lost, about 135 family members or friends will be affected and experience emotional, social and economic impacts.

"It follows that suicide is one of the 10 leading causes of death in the world and the fourth leading cause of death for those aged 15 to 29."

Khairy said immediate action was crucial at every level to deal with suicidal behaviour, starting with individuals, families, communities and stakeholders, such as policymakers, politicians, government and private agencies and non-governmental organisations.

"The ministry is proactive in dealing with suicidal behaviour through implementing the Decriminalisation of Suicide Attempts to encourage those affected to come forward and seek help.

"The ministry has prepared a moratorium, and it has been presented to the Council of Ministers (at the cabinet) level in September last year.

"Currently, the memorandum is under the responsibility of the Attorney-General's Department



Health Minister Khairy Jamaluddin speaking at the state-level Agenda Nasional Malaysia Sihat-Sabah Maju Jaya programme in Kota Kinabalu yesterday. PIC BY MOHD ADAM ARININ

for further action," he said.

Khairy added that other initiatives had been set through the Development of the National Suicide and Fatal Death Registry System, which is expected to be operational next year.

"This system allows detailed and accurate statistics related to suicide incidents to be obtained, and targeted prevention efforts can be implemented," he said.

He said the ministry also conducted an engagement session

with the police and the Fire and Rescue Department in implementing Suicide Prevention Training for first responders to improve their skills in handling cases of suicidal behaviour.

Meanwhile, Khairy said the ministry was working with the Education Ministry to empower the Healthy Mind programme at schools so that it could create a "referral pathway" to refer students suffering from depression and suicidal behaviour to health facilities for early intervention

and immediate treatment.

"The ministry is conducting an advocacy campaign for the Let's TALK Minda Sihat Campaign to target groups through and the community across agencies and in an integrated manner, including mass media, social media and stakeholders.

"The ministry also took the initiative to develop a National Centre of Excellence for Mental Health, a centre that houses a helpline service for those in need."